

Tsu Koon janji bincang isu Melayu

BH - 18/11/2006

KETUA Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berjanji akan berbincang dengan Umno negeri berhubung isu orang Melayu di negeri itu yang dibangkitkan pada Perhimpunan Agung Pemuda Umno, kelmarin.

"Apa yang disuarakan itu saya akan kaji... kerajaan negeri akan kaji bersama pemimpin Umno lain dalam kerajaan," katanya ketika ditemui selepas ucapan dasar Presiden Umno.

Kelmarin, isu peminggiran Melayu Pulau Pinang terus mendapat perhatian apabila perwakilan sekali lagi membangkitkannya dan mendesak jawatan Ketua Menteri digilirkan dengan Umno.

Wakil Pulau Pinang, Shahaedan Ayob Hussein ketika membahaskan usul Pemuda mendesak Ketua Pemuda dan Kerajaan Pusat membantu membela nasib Melayu di negeri itu kerana Kerajaan Pulau Pinang didakwa gagal mengagihkan ekonomi secara sama rata.

Bagaimanapun, Tsu Koon enggan mengulas lanjut, sebaliknya berjanji mengeluarkan kenyataan apabila masa sesuai.

"Itu bukan usul yang dibangkitkan sekarang dan dijawab Perdana Menteri sebagai sistem yang ada akan kekal (isu jawatan Ketua Menteri)," katanya.

Tsu Koon juga berkata, tidak timbul soal beliau tidak menghormati Perdana Menteri seperti dibangkitkan pada sesi perbahasan Pemuda Umno.

"Nama saya cuma disebut sekali dalam konteks seorang wakil dari Selangor yang mengatakan saya dan (Datuk Seri) S Samy Vellu kurang ajar.

"Tapi mungkin dia salah faham, saya dan Samy Vellu bukan bergaduh di depan Perdana Menteri ketika kita melawat Batu Kawan pada awal September lalu.

"Kami cuma berbincang masalah penyuraian trafik tapi awak tahulah cara Samy Vellu, dia cakap memang agak dramatik sikit," katanya yang amat menghormati Perdana Menteri sejak mula mengenalinya pada awal 1980-an.

Kelmarin, wakil Selangor, Ramli Simbok ketika membahaskan usul ucapan terima kasih Ketua Pemuda Umno menyelar beberapa pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) kerana tidak menghormati Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai rekaan jambatan Pulau Pinang kedua.

Ramli mendakwa Tsu Koon dan Samy Vellu adalah antara pemimpin berkenaan kerana terlibat dalam menyerahkan memorandum kepada Abdullah berhubung kontroversi Artikel 121.

Menteri Kerjaraya, Samy Vellu, berkata ada pihak menyalah tafsir insiden di Pulau Pinang itu.

"Sebenarnya kami berbincang mengenai projek di Pulau Pinang dan pada masa itu kami sama-sama beri pandangan dan ia diterima Perdana Menteri, tetapi perbincangan kami itu di salah faham," katanya.